



Ahli Kumpulan UEM

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

3 APRIL 2025

RANCANG PERJALANAN PULANG KE IBU KOTA SELEPAS AIDILFITRI DENGAN MYPLUS-TTA DAN BERPELUANG MEMENANGI HADIAH SEHINGGA RM20,000

Petaling Jaya, 3 April 2025 - PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menyarankan pengguna lebuh raya untuk merancang perjalanan pulang ke ibu kota selepas bercuti sempena Aidilfitri dengan merujuk kepada jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA yang tersedia di Aplikasi PLUS.

Jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA direka untuk membantu pengguna lebuh raya merancang perjalanan dengan lebih efisien serta membantu memastikan aliran trafik yang lebih seimbang, sekali gus memberikan pengalaman perjalanan yang lebih lancar dan selesa. Sepanjang tempoh perjalanan pulang Hari-hari Puncak pada 4 April, 5 April dan 6 April 2025, PLUS menjangkakan lebih daripada 2 juta kenderaan sehari di rangkaian lebuh rayanya.

Sebagai insentif, PLUS memberikan ganjaran kepada pengguna lebuh raya yang mematuhi MyPLUS-TTA dengan peluang untuk memenangi hadiah menarik keseluruhan sehingga RM20,000 menerusi kempen “**Ikuti MyPLUS-TTA Sempena Hari Raya Aidilfitri**” menerusi Aplikasi PLUS.

Hadih menarik menanti pemenang! Seramai enam (6) pemenang hadiah utama bakal membawa pulang baucar hotel bernilai RM2,500 setiap satu, manakala 50 pemenang hadiah saguhati akan menerima kredit Touch 'n Go eWallet masing-masing bernilai RM100 setiap seorang.

Untuk menyertai, pengguna lebuh raya hanya perlu mendaftar dan mematuhi jadual perjalanan digital yang disarankan melalui MyPLUS-TTA bagi perjalanan di lebuh raya kendalian PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) sehingga 6 April 2025.

Dengan mematuhi MyPLUS-TTA, pengguna lebuh raya dijangka dapat menikmati perjalanan yang lebih lancar sepanjang musim perayaan. PLUS terus komited dalam meningkatkan pengalaman perjalanan pengguna lebuh raya dengan sentiasa menambah baik strategi pengurusan trafik bagi tempoh cuti perayaan utama.

Untuk maklumat lanjut dan mengakses jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA, muat turun Aplikasi PLUS hari ini.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---



Ahli Kumpulan UEM

FOR IMMEDIATE RELEASE

KENYATAAN MEDIA

3 APRIL 2025

RETURN JOURNEY TO THE KLANG VALLEY AFTER AIDILFITRI: PLAN AHEAD WITH MYPLUS-TTA AND STAND A CHANCE TO WIN PRIZES WORTH UP TO RM20,000

Petaling Jaya, 3 April 2025 - PLUS Malaysia Berhad (PLUS) is encouraging highway users to plan their return journey to the Klang Valley after the Aidilfitri holiday by referring to the MyPLUS-TTA digital travel schedule available on the PLUS App.

The MyPLUS-TTA digital travel schedule is designed to help motorists plan their journeys efficiently while ensuring a more balanced traffic flow, ultimately leading to a smoother and more comfortable travel experience. During peak return travel periods on April 4, 5, and 6, 2025, PLUS anticipates over 2 million vehicles per day on its highways.

As an added incentive, PLUS is rewarding highway users who adhere to MyPLUS-TTA with a chance to win exciting prizes worth up to RM20,000 through the 'Follow MyPLUS-TTA for Hari Raya Aidilfitri' campaign through the PLUS App.

Attractive prizes await! A total of six (6) grand prize winners will each receive hotel vouchers worth RM2,500, while 50 consolation prize winners will be awarded Touch 'n Go eWallet credits worth RM100 each.

To participate, highway users simply need to register and follow the recommended travel schedule via MyPLUS-TTA for their journeys on PLUS-operated highways and Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) until April 6, 2025.

By adhering to MyPLUS-TTA, motorists will enjoy a more seamless journey during the festive season. PLUS remains committed to enhancing highway users' travel experience by continuously improving traffic management strategies for major holiday periods.

For more information and to access the MyPLUS-TTA digital travel schedule, download the PLUS App today.

-END-

MEDIA CONTACT:

Mashitah Mohd Arshad Acting Head Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 013-209 7092 Email: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Manager Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 012-657 4452 Email: rofina@plus.com.my
---	--